

Tun M perlu diberi masa pulihkan ekonomi

Nibong Tebal: Konvensyen Pilihan Harapan (PH) Januari tahun lalu tidak bincang atau menetapkan tempoh masa tertentu kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata konvensyen itu bersetuju bahawa Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail pula menjadi timbalannya, manakala Datuk Seri Anwar Ibrahim bakal Perdana Menteri kelapan.

"perkara itu kemudian menjadi resolusi kepada PH dan ia dibentangkan serta mendapat persetujuan daripada semua yang hadir konvensyen berkenaan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Seri Mukhriz Mahathir bahawa tiada perancangan peralihan kuasa perlu berlaku dalam tempoh dua tahun.

Sebelum itu, beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ditemui selepas Merasmikan Kempen Kesedaran Keselamatan Petroleuem Peringkat Negeri Pulau Pinang di stesen minyak BHP Petrol di Sungai Jawi, di sini, semalam.



Perkara itu menjadi resolusi kepada PH dan ia dibentangkan serta mendapat persetujuan daripada semua yang hadir konvensyen berkenaan.

Saifuddin Nasution Ismail, Setiausaha Agung PKR

Saifuddin berkata, beliau memahami apa dimaksudkan Menteri Besar Kedah berkenaan kerana masing-masing tidak pernah gagal menghadiri mesyuarat

PH bagi membincangkan formula berkenaan.

"Saya tidak sensitif apa-apa dan tahu apa yang dimaksudkan Datuk Seri Mukhriz kerana kami berdua tidak pernah sekali pun ponteng dalam setiap mesyuarat yang diadakan PH," katanya.

Baru-baru ini, Mukhriz dalam wawancara dengan *Nikkei Asian Review*, berkata tiada perjanjian peralihan kuasa perlu berlaku dalam tempoh dua tahun.

Beliau dilaporkan berkata, mungkin ada cadangan sebegitu, tetapi tidak dinyatakan sama ada di atas kertas atau pun perjanjian secara lisan.

Sebaliknya, Mukhriz menegaskan, Dr Mahathir perlu diberikan masa yang cukup untuk menadbir negara, walaupun umur Pengerusi PH itu sudah lanjut.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali turut bersetuju dengan kenyataan Mukhriz supaya Dr Mahathir diberi tempoh secukupnya untuk memulihkan ekonomi negara.

Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR setuju dengan kenyataan itu berikutan ia langka wajar sebelum Dr Mahathir menyerahkan jawatan Per-

dana Menteri kepada penggan-
tunya.

"Setuju," katanya ketika diajukan soal berkaitan perkara itu selepas merasmikan Karnival Kerjaya Graduan Aspire di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Di Arau, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, pula berkata Dr Mahathir sepatutnya diberikan hak memegang dan menyerahkan jawatannya pada bila-bila masa tanpa tekanan luar kerana beliau memerlukan lebih masa membina semula ekonomi negara.

Beliau yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU berkata, adalah sesuatu yang mustahil Dr Mahathir hanya diberi masa dua tahun sahaja untuk menstabilkan ekonomi negara selepas apa yang ditinggalkan pentadbiran lalu.

"Dr Mahathir sedang membina semula negara, beliau bukan menyambung pentadbiran kepeimpinan terdahulu.

"Berdirinya empayar Rom bukannya dalam satu malam, jadi berapa lama Dr Mahathir mentadbir itu haknya dan kita semua menghormati keputusan itu," katanya ketika keputusan itu. Majlis Seminar Didik Rakyat 2019 anjuran Yayasan Bank Rakyat, semalam.